

Pengaruh Tindakan Afirmatif kepada Agihan Kekayaan antara Etnik di Malaysia (*The Influence of Affirmative Action on the Distribution of Wealth among Ethnic in Malaysia*)

Muhammad Najit Sukemi
Universiti Malaysia Terengganu

Madeline Berma
Shamsul Amri Baharuddin
Faridah Shahdan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Tindakan afirmatif merupakan mekanisme penyelesaian konflik dalam situasi ketegangan etnik dan ketidakseimbangan sosioekonomi. Di Malaysia, tindakan afirmatif dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) mulai 1970 bagi menangani ketidakseimbangan ekonomi dan ketidaksetaraan kekayaan antara etnik melalui agihan semula ekuiti dengan matlamat 30% dimiliki Bumiputra dan 40% dimiliki bukan Bumiputra. Setelah kira-kira 40 tahun perlaksanaannya, matlamat agihan ekuiti masih gagal dicapai. Namun, adakah pelaksanaan tindakan afirmatif memberi kesan kepada agihan kekayaan bagi setiap etnik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai pengaruh tindakan afirmatif kepada agihan kekayaan antara etnik di Malaysia. Kajian ini menggunakan data ekuiti mengikut etnik bagi tempoh 1969 hingga 2012 dan diuji menggunakan pendekatan Autoregrasi Lat Tertabur (ARDL). Dapatan menunjukkan pelaksanaan tindakan afirmatif mempunyai pengaruh dalam mempengaruhi agihan kekayaan antara etnik dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Kajian juga membuktikan agihan kekayaan antara kumpulan etnik diagihkan melalui ekonomi yang berkembang dan bukannya melalui pengambilan hak milik etnik lain terutamanya etnik Cina dan dipindahkan kepada Bumiputra.

Kata Kunci : Tindakan afirmatif; ekuiti; liberalisasi sektor kewangan; etnik

ABSTRACT

Affirmative action is a mechanism of conflict resolution in situation of ethnic tensions and socio-economic imbalances. In Malaysia, affirmative action was implemented through a New Economic Policy (NEP) from 1970 to address economic imbalances and wealth inequality among ethnics through the distribution of the equity with the goal of 30% Bumiputeras-owned and 40% non-bumiputera owned. After 40 years of implementation, the goal of equity distribution still yet to be achieved. However, does the implementation of affirmative action affects the distribution of wealth for each ethnic groups? Thus, this study aims to evaluate the influence of affirmative policies to the distribution of wealth between ethnic groups in Malaysia. This study will use equity data for ethnicity holdings for a period from 1969 to 2012 and will be tested using the Autoregressive distributed lag (ARDL) approach. The findings show the implementation of affirmative action has significant influence in affecting the distribution of wealth between ethnic groups in the short term and the long term. The study also proves the wealth distribution between ethnic groups was distributed through growing economy rather than through the acquisition of the other ethnic ownership, especially Chinese ethnic was later and transferred to the Bumiputeras.

Key Words: Affirmative action; equity; liberalization of financial sector; ethnic

INTRODUCTION

Isu ketidaksetaraan agihan pendapatan dan kekayaan bukanlah sesuatu isu baharu di mana ia telah dibincangkan sejak 2000 tahun yang lalu. Ahli falsafah Plato dalam bukunya bertajuk Republik menyatakan impak jurang kekayaan kepada sesebuah masyarakat di mana akan berlaku perpecahan dan kekacauan sekiranya jurang kekayaan semakin melebar antara golongan terkaya dan golongan termiskin. Isu ini turut dibincangkan oleh ahli-ahli falsafah lain seperti Aristotle dan Ibnu Khaldun

serta ahli-ahli ekonomi seperti Adam Smith, Karl Marx dan Joseph Stiglitz.

Kekayaan sering kali diertikan sebagai ekuiti. Ekuiti bermaksud keadilan di mana setiap individu menerima apa yang menjadi haknya. "Keadilan" didefinisikan sebagai "Justice as Fairness" di mana ia tidak bermaksud sama rata, tetapi agihan berasaskan kepada keperluan yang telah ditetapkan (Rawls 1971). Dalam bidang Perakaunan, ekuiti merujuk nilai modal yang disumbangkan oleh pemilik manakala dalam ekonomi, ekuiti bermaksud satu keadaan atau situasi di



mana setiap orang memperoleh apa yang menjadi haknya (kesetaraan pendapatan dan kekayaan) meliputi peluang kehidupan yang sama tanpa mengira identiti, pendapatan asas dan minimum, dan komitmen untuk agihan semula.

Menurut Harding (1996), untuk mencapai kesetaraan dalam agihan, ekuiti mesti dicapai terlebih dahulu sebelum kesetaraan dapat dicapai. Agihan yang seimbang antara generasi akan menjamin kesetaraan agihan pendapatan dan kekayaan bagi generasi berikutnya melalui pembangunan modal manusia yang lebih tinggi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi (Alesina & Rodrik 1994; Perotti 1996; Persson & Tabellini 1994; Romer 1986). Agihan kekayaan yang tidak adil dan seimbang, bukan sahaja mengakibatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dalam jangka masa panjang tetapi turut mengakibatkan wujudnya konflik sosial, politik, perpecahan, kekacauan dan huru-hara dalam masyarakat (Chua 2003; OECD 2008). Bagi mewujudkan agihan pendapatan dan kekayaan yang cekap dan adil, campur tangan kerajaan amat penting bagi menangani dan mengatasi masalah kegagalan pasaran melalui pelaksanaan pelbagai dasar meliputi pelaksanaan tindakan afirmatif.

Tindakan afirmatif sering dikonsepsikan sebagai mekanisme penyelesaian konflik dalam situasi ketegangan etnik dan ketidakseimbangan sosio-ekonomi. Ia didefinisikan sebagai langkah-langkah terancang bagi memperbetulkan kepincangan serta ketidakadilan sosial dan ekonomi kesan daripada pemerintahan atau dasar pada masa lepas yang telah mendiskriminasikan kumpulan-kumpulan tertentu dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik. Ia merupakan satu dasar berbentuk intervensi (campurtangan langsung Kerajaan) yang mempunyai matlamat sama seperti dasar “peluang yang sama (*equal opportunity*)”, tetapi berbeza dari sudut pendekatan (Burstein 1994). Perlaksanaannya merupakan salah satu strategi bagi menangani ketidaksetaraan pendapatan dan kekayaan, ekonomi, sosial dan ketidakadilan lampau antara kumpulan etnik khususnya di negara berbilang etnik. Ia berbentuk diskriminasi positif dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti etnik, warna kulit, agama, jantina, orientasi seksual, asal usul negara, kelas sosial dan status kecacatan agar mencapai peluang yang sama (*equal opportunity*) dalam apa jua bidang meliputi pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan perniagaan (kontrak awam) yang bertentangan dengan kesan diskriminasi sejarah.

Tindakan Afirmatif dilaksanakan hampir di kebanyakan negara di dunia seperti Fiji, India, Malaysia, Ireland Utara, Afrika Selatan, Sri Lanka dan Amerika Syarikat dan bilangannya bertambah dari setahun ke setahun serta menghasilkan keputusan yang berbeza-beza dan memerlukan pembuktian lanjut (Gomez & Premdas 2013; Stewart et al. 2007). Ini kerana, tidak wujud satu kaedah yang tepat bagi menangani permasalahan ini kerana setiap negara berhadapan dengan situasi yang

berbeza dan memerlukan kaedah penyelesaian yang berbeza. Perlaksanaannya bertujuan untuk menangani ketidaksetaraan mendatar antara kumpulan etnik melalui 3 kaedah berbeza iaitu kaedah langsung, kaedah tidak langsung dan integrasi antara kedua-duanya (Stewart et al. 2007). Malaysia dan Ireland Utara merupakan antara contoh terbaik bagaimana tindakan afirmatif menyumbang kepada penurunan ketidaksetaraan ekonomi dan sosial seterusnya membawa keharmonian di dalam masyarakat (Stewart & Brown 2006).

DASAR AFIRMATIF DI MALAYSIA

Di Malaysia, ketidaksetaraan agihan pendapatan dan kekayaan antara etnik telah menjadi isu terbuka dan disedari sejak zaman penjajahan Inggeris lagi. Ini terbukti melalui kewujudan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan (kontrak sosial) yang memberi hak dan keistimewaan kepada orang Melayu/Bumiputra dan anak negeri Sabah dan Sarawak melalui Perkara 153. Bagi menangani ketidaksetaraan dan mewujudkan agihan yang adil dan saksama, pelbagai dasar dan strategi telah dilaksanakan Kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dan sosial tetapi, ia turut mengakibatkan impak negatif seperti pembangunan yang tidak seimbang, melebarkan jurang ketidaksetaraan agihan pendapatan dan kekayaan dan peminggiran antara etnik serta jurang antara bandar-desa dan wilayah (Snodgrass 1980).

Impak tragedi berdarah 13 Mei 1969, Kerajaan telah melaksanakan tindakan afirmatif melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menangani ketidakseimbangan ekonomi dan ketidaksetaraan pendapatan dan kekayaan antara etnik melalui agihan semula ekuiti dengan matlamat 70% ekuiti dimiliki rakyat Malaysia dengan 30% dimiliki Bumiputra dan 40% dimiliki rakyat Malaysia yang lain. Perlaksanaan tindakan afirmatif di Malaysia agak berbeza berbanding di negara-negara lain di mana ia dilaksanakan secara eksplisit dan terancang, dilindungi oleh perlembagaan dan dilaksanakan untuk membantu golongan majoriti dan bukannya golongan minoriti (Stiglitz 2006). Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua (1970), pegangan ekuiti pada 1970 bagi Bumiputra hanya 2.4% sahaja berbanding pegangan etnik Cina sebanyak 34.3% dan pegangan asing sebanyak 63.3%. Setelah tamatnya DEB (1971 – 1990), tindakan afirmatif masih diteruskan dengan pengubahsuaian dalam pelaksanaan dasar pembangunan selanjutnya iaitu Dasar Pembangunan Nasional (1991–2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Model Ekonomi Baru (2011-2020). Kesenambungan sasaran dan semangat ini wujud kerana DEB itu sendiri merupakan sebahagian dari tindakan afirmatif yang telah dilaksanakan di Malaysia.

Bagi memberikan impak yang menyeluruh, Kerajaan melaksanakan transformasi ekonomi sebagai satu langkah

strategik memastikan Malaysia mampu berdaya saing dalam pasaran global dan kuasa ekonomi yang lebih besar serta mengurangkan risiko terperangkap dalam kelompok negara berpendapatan sederhana. Kerajaan turut melaksanakan transformasi pentadbiran dan dasar secara menyeluruh bagi mengurangkan perlindungan melalui pelaksanaan dasar liberalisasi menyeluruh secara beransur-ansur bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang berdaya saing, kondusif dan mapan. Bagi mewujudkan keterbukaan dan mengurangkan perlindungan khususnya syarat-syarat khas bersifat afirmatif seterusnya meningkatkan daya saing dan daya tarikan pasaran modal Malaysia terutamanya kepada pelabur asing, Kerajaan melaksanakan dasar liberalisasi menyeluruh sektor kewangan bermula di sektor pasaran modal mulai tahun 2009. Perlaksanaannya mengakibatkan perubahan drastik dan menyeluruh dalam syarat pemilikan ekuiti terutamanya syarat khas bagi pemilikan ekuiti bumiputra di bawah garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang telah wujud sejak 36 tahun yang lalu sebagai sebahagian strategi mencapai objektif pemilikan 30% ekuiti Bumiputra dalam DEB.

Seiring dengan pelaksanaan liberalisasi pasaran modal dan pembatalan syarat FIC, syarikat yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia kini hanya perlu memenuhi syarat keperluan asas penyenaian yang menetapkan pegangan saham awam sebanyak 25%. Di bawah syarat FIC yang baru, 50% daripada 25% pegangan saham awam hendaklah ditawarkan kepada pelabur Bumiputra (12.5% at the best effort). Namun, jika hanya 1% sahaja daripada peruntukan saham tersebut dilanggan oleh pelabur Bumiputra, ia masih boleh disenaraikan tanpa sebarang masalah berbanding sebelumnya yang mewajibkan langganan sebanyak 30% oleh pelabur Bumiputra. Sesuatu "*Initial Public Offering (IPO)*" juga boleh disenaraikan tanpa melakukan tawaran terbuka tetapi melalui tawaran "*private placement*" kepada pelabur terpilih. Perubahan ini juga menamatkan secara rasminya syarat pemilikan ekuiti 30% Bumiputera dalam pemilikan ekuiti sesebuah syarikat di Bursa Malaysia dan mengakibatkan peranan tindakan afirmatif semakin lemah.

Sebagai dasar penstrukturan sosial ekonomi, pelaksanaan tindakan afirmatif mempunyai nilai dan sasaran murni serta menunjukkan banyak kejayaan. Namun, setelah kira-kira 40 tahun perlaksanaannya, matlamat agihan ekuiti masih gagal dicapai. Kajian Muhammed A. K. (2012) mendapati, jurang agihan pendapatan antara etnik terutamanya antara Bumiputera dengan etnik cina semakin melebar dari tahun 2009 – 2012 sekali gus melenyapkan segala pencapaian yang telah dicapai sejak sedekat yang lalu. Situasi ini hampir menyamai situasi pada 1969/1970 di mana ketidaksetaraan pendapatan, kekayaan dan kemiskinan bertumpu dengan pembahagian etnik, sosial dan agama. Wujud persoalan, adakah pelaksanaan tindakan afirmatif

memberi kesan kepada agihan kekayaan bagi setiap etnik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai pengaruh tindakan afirmatif kepada agihan kekayaan antara etnik di Malaysia secara empirikal. Ia penting bagi menyumbang kepada kajian literatur berkaitan agihan kekayaan di Malaysia.

ULASAN LITERATUR

Kajian mengenai agihan pendapatan dan kekayaan merupakan antara isu yang sering dibincangkan terutamanya mengenai jurang kekayaan, ketidakadilan dalam agihan pendapatan dan kekayaan dan penumpuan kekayaan. Wolff (1990) mendapati, agihan kekayaan yang tidak seimbang, di mana golongan 1% isi rumah tertinggi memiliki purata 38.9% kekayaan dan memiliki 16.4% daripada keseluruhan jumlah pendapatan isi rumah di Amerika Syarikat (USA) pada 1989. Bagi isi rumah dalam golongan 10% isi rumah tertinggi, ia memiliki hampir 85% kekayaan dan menerima lebih 50% daripada keseluruhan jumlah pendapatan isi rumah di Amerika Syarikat. Kajian oleh Keister dan Moller (2000) pula mendapati penumpuan kekayaan sangat tinggi dan sangat tidak saksama di kalangan sebahagian kecil penduduk di Amerika Syarikat (USA) sejak 1920-an lagi di mana golongan 1% isi rumah tertinggi memiliki purata 30% kekayaan manakala golongan 5% isi rumah tertinggi memiliki $\frac{1}{2}$ kekayaan ekonomi USA. Dapatan menunjukkan, kemerosotan ekonomi akan menyebabkan agihan kekayaan menjadi lebih seimbang.

Chua. (2003) berpendapat, agihan kekayaan yang tidak adil dan seimbang, bukan sahaja mengakibatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dalam jangka masa panjang tetapi turut mengakibatkan berlakunya konflik sosial dan politik dalam masyarakat. Ini diperakui oleh Mansor Mohd Noor (2005) di mana konflik perkauman seperti insiden 13 Mei 1969, insiden Kampung Rawa 1977 dan insiden Kampung Medan 2001 berlaku akibat ketidakseimbangan pembangunan dan tadbir urus kerajaan, ketidaksetaraan antara kaum dan wilayah negara, kemiskinan bandar dan keterpinggiran rakyat daripada perkhidmatan kerajaan. Oleh yang demikian, ketidakseimbangan ini perlu ditangani secara menyeluruh bagi mengelakkan impak yang lebih teruk dan memerlukan masa berdekad-dekad lamanya untuk menanganinya. Kajian Oxfam (2016) menunjukkan nilai kekayaan golongan 1% isi rumah terkaya dunia memiliki nilai kekayaan yang sama jumlahnya dengan jumlah keseluruhan kekayaan 80% penduduk dunia pada 2015. Nilai kekayaan 62 orang individu terkaya dunia menyamai nilai gabungan kekayaan separuh daripada golongan paling miskin di dunia. Nilai kekayaan golongan 1% terkaya dunia menguasai 44% ekonomi dunia pada 2010 dan meningkat kepada 48% pada 2014 manakala kumpulan 80% penduduk dunia lain hanya menguasai 5.5% kekayaan dunia.

Di Malaysia, kajian mengenai agihan kekayaan dan etnik agak kurang dibincangkan terutamanya melibatkan dasar afirmatif seperti DEB. Kajian-kajian lebih menumpukan isu-isu ketidaksamaan agihan pendapatan (Jomo & Wee 2014; Muhammed 2014), isu-isu kemiskinan (Jomo 2004; Rogayah 2009), isu-isu ketidaksamaan pembangunan antara wilayah (Muhammed 2012) dan isu-isu pendidikan (Hwok-Aun Lee 2012; Ibrahim Abu Shah 1995;) serta isu-isu pekerjaan (Hwok-Aun Lee 2012). Kajian juga lebih menumpukan kepada isu-isu mengenai pembentukan Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) (Jesudason 1989; Mahmet 1986 ; Searle 1999).

Kekurangan kajian-kajian mengenai isu ketidaksamaan agihan kekayaan antara kumpulan etnik ini mungkin disebabkan oleh kekurangan data rasmi di mana Kerajaan Malaysia mengklasifikasikan data berkaitan agihan sebagai 'Sulit' terutamanya selepas berakhirnya pelaksanaan DEB dengan hujah bagi menghindarkan penyalahgunaan terutamanya intreptasi data berkaitan agihan antara etnik (Ishak 2000; Rogayah 2009).

Kajian Faaland et al. (2005) merupakan antara kajian menyeluruh mengenai DEB di mana ia membincangkan kesan perlaksanaan DEB kepada pertumbuhan dan pencapaian ekonomi Bumiputera meliputi latar belakang sosiopolitik DEB, sumbangan DEB kepada orang Melayu dan cabaran serta peluang selepas DEB. Selepas 20 tahun dilaksanakan, dapatan menunjukkan berlaku peningkatan pendapatan di kalangan penduduk terutamanya penduduk di luar bandar, menghapuskan kadar pengangguran tidak ketara (*under employment*), mengurangkan kadar kemiskinan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 16.5% pada tahun 1990 dan kepada 5.7% pada tahun 2005.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan data siri masa secara tahunan dari tahun 1969 hingga 2012 bagi data pemilikan ekuiti mengikut etnik iaitu Bumiputera, Cina, India dan data Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita. Nilai ekuiti adalah nilai nominal bagi jumlah pemilikan hak modal saham (pada nilai tara) syarikat berhad. Fungsi asas model kajian ini adalah sebagaimana persamaan berikut:

$$Y = \alpha + \beta^* E + \gamma^* X + \varepsilon \quad (1)$$

Di mana, Y adalah Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita, E adalah Ekuiti Ikut Etnik, X adalah lain-lain pemboleh ubah meliputi pemboleh ubah pepadangan dan adalah ralat. Nilai ukuran bagi pemboleh ubah adalah Ringgit Malaysia (RM) manakala semua pemboleh ubah kajian diolah dalam formasi logaritma bagi tujuan penganggaran. Pengolahan data kepada formasi logaritma (log) dilaksanakan bagi menghasilkan keputusan yang lebih baik dan mengurangkan ketajaman dalam data siri

masa (Shahbaz 2010). Data bagi nilai ekuiti mengikut etnik (Bumiputera, Cina dan India) diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan data-data yang diterbitkan dalam Rancangan Malaysia bermula dari Rancangan Malaysia ke 2 (RMKe2), 1970 hingga Rancangan Malaysia ke 11 (RMKe11), 2011. Namun, data terkini bagi pemilikan ekuiti mengikut etnik dikategorikan sulit (Ishak 2000; Rogayah, 2008). Data bagi Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita pula diperoleh daripada Indikator Pembangunan Dunia (Bank Dunia 2015) manakala pemboleh ubah dami adalah tindakan afirmatif (AA).

Bagi menjayakan objektif kajian, beberapa siri ujian akan dilaksanakan meliputi ujian kepegungan bagi mengesan tahap kepegungan data siri masa sebelum penganggaran model kajian dilaksanakan. Dua bentuk ujian kepegungan dilaksanakan iaitu ujian Dickey dan Fuller (1981); dan Philip dan Perron (1988) bagi memastikan ke semua pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian pegun sebelum disusuli dengan analisis kointegrasi. Semua penganggaran ujian-ujian dilaksanakan menggunakan dua perisian utama iaitu Econometric Views (E-Views) versi 9 dan Stata. Bagi ujian kointegrasi, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan Model Autoregresif Lat Tertabur (ARDL) yang diperkenalkan oleh Pesaran et. al (2001) dan Narayan (2004) di mana perlaksanaannya mempunyai kelebihan berbanding ujian-ujian kointegrasi terdahulu yang mana ia berupaya membantu memperbetulkan korelasi bersiri (Pesaran dan Shin, 1999). Selain itu, ia boleh diaplikasikan tanpa mengira sama ada pemboleh ubah bersandar adalah I(1) atau I(0) dan lebih sesuai digunakan jika bilangan sample kajian adalah kecil (Pesaran et.al, 2001). Perlaksanaan ujian ARDL dalam kajian ini adalah berasaskan kepada empat persamaan berikut :

Persamaan 1

$$\begin{aligned} \Delta \ln Y = & \alpha_0 + \sum_{i=1}^p \alpha_1 \Delta \ln Y_{t-i} + \sum_{j=0}^q \alpha_2 \Delta \ln \text{Bumiputera}_{t-j} + \\ & \sum_{k=0}^r \alpha_3 \Delta \ln \text{Cina}_{t-k} + \sum_{l=1}^s \alpha_4 \Delta \ln \text{India}_{t-l} + \\ & \sum_{m=0}^t \alpha_5 \Delta \ln \text{AA}_{t-m} + \pi_1 \ln Y_{t-i} + \pi_2 \ln \text{Bumiputera}_{t-i} + \\ & \pi_3 \ln \text{Cina}_{t-i} + \pi_4 \ln \text{India}_{t-i} + \pi_5 \text{AA}_{t-i} + \varepsilon_t \quad (2a) \end{aligned}$$

Persamaan 2

$$\begin{aligned} \Delta \ln \text{Bumiputera} = & \alpha_0 + \sum_{i=1}^p \alpha_1 \Delta \ln \text{Bumiputera}_{t-i} + \\ & \sum_{i=1}^p \alpha_2 \Delta \ln \text{Cina}_{t-i} + \sum_{i=1}^p \alpha_3 \Delta \ln \text{India}_{t-k} + \\ & \sum_{i=1}^p \alpha_4 \Delta \ln Y_{t-i} + \sum_{i=1}^p \alpha_5 \Delta \text{AA}_{t-m} + \\ & \pi_1 \ln \text{Bumiputera}_{t-i} + \pi_2 \ln \text{Cina}_{t-i} + \\ & \pi_3 \ln \text{India}_{t-i} + \pi_4 \ln Y_{t-i} + \pi_5 \text{AA}_{t-i} + \varepsilon_t \quad (2b) \end{aligned}$$

Persamaan 3

$$\Delta \ln \text{Cina} = \alpha_0 + \sum_{i=0}^p \alpha_1 \Delta \ln \text{Cina}_{t-i} + \sum_{j=0}^q \alpha_2 \Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-j} + \sum_{k=0}^r \alpha_3 \Delta \ln \text{India}_{t-k} + \sum_{l=0}^s \alpha_4 \Delta \ln Y_{t-l} + \sum_{m=0}^t \alpha_6 \Delta \text{AA}_{t-m} + \pi_1 \ln \text{Cina}_{t-i} + \pi_2 \ln \text{Bumiputra}_{t-i} + \pi_3 \ln \text{India}_{t-i} + \pi_4 \ln Y_{t-i} + \pi_5 \text{AA}_{t-i} + \varepsilon_t \quad (2c)$$

Persamaan 4

$$\Delta \text{India} = \alpha_0 + \sum_{i=0}^p \alpha_1 \Delta \ln \text{India}_{t-i} + \sum_{j=0}^q \alpha_2 \Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-j} + \sum_{k=0}^r \alpha_3 \Delta \ln \text{Cina}_{t-k} + \sum_{l=0}^s \alpha_4 \Delta \ln Y_{t-l} + \sum_{m=0}^t \alpha_6 \Delta \text{AA}_{t-m} + \pi_1 \ln \text{India}_{t-i} + \pi_2 \ln \text{Bumiputra}_{t-i} + \pi_3 \ln \text{Cina}_{t-i} + \pi_4 \ln Y_{t-i} + \pi_5 \text{AA}_{t-i} + \varepsilon_t \quad (2d)$$

Di mana Δ adalah tahap pembezaan pertama, Y mewakili Keluaran dalam Negara Kasar Perkapita, AA mewakili pelaksanaan tindakan afirmatif dan ε_t adalah terma residual dalam tempoh masa 't' kajian. Tahap pemilihan lat bagi penganggaran model ARDL berasaskan kepada Kriteria Maklumat Akaike (AIC). Untuk menentukan tahap "bound" bagi penganggaran model ARDL, ujian statistik-F digunakan dan nilai yang diperoleh dibandingkan dengan nilai kritikal yang diperkenalkan oleh Pesaran et. al (2001). Hipotesis bagi menguji kewujudan hubungan jangka masa panjang bagi persamaan (2a – 2d) adalah sebagaimana berikut :

$$H_0: \pi_1 = \pi_2 = \pi_3 = \pi_4 = \pi_5 = 0 \quad (3)$$

$$H_1: \pi_1 \neq \pi_2 \neq \pi_3 \neq \pi_4 \neq \pi_5 \neq 0 \quad (4)$$

Kajian ini juga mengadaptasikan pendekatan model penganggaran ARDL-ECM bagi mengesan kewujudan hubungan jangka masa pendek dan tahap penyelarasan pemboleh ubah kajian. Bagi mengukur arah penyebab sesama pemboleh ubah, pendekatan penyebab Granger (1969) yang diolah dalam kerangka model ARDL-ECM dilaksanakan di mana ia merupakan gabungan ujian statistik χ^2 dengan tahap lat yang pelbagai berasaskan Kriteria Maklumat Schwarz (SBC). Hubungan penyebab Granger ARDL-ECM jangka masa panjang ditentukan melalui tahap signifikan koefisien pembetulan ralat (ECT_{t-1}) manakala, hubungan penyebab Granger jangka masa pendek ditentukan melalui ujian gabungan statistik χ^2 . Model Granger ARDL-ECM adalah seperti berikut:

$$\begin{bmatrix} \ln Y_t \\ \ln \text{Bumiputra}_t \\ \ln \text{Cina}_t \\ \ln \text{India}_t \\ \text{AA} \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} \delta_1 \\ \delta_2 \\ \delta_3 \\ \delta_4 \\ \delta_5 \end{bmatrix} +$$

$$\begin{bmatrix} \delta_{11,1} & \delta_{12,1} & \delta_{13,1} & \delta_{14,1} & \delta_{15,1} & \delta_{16,1} & \delta_{17,1} \\ \delta_{21,1} & \delta_{22,1} & \delta_{23,1} & \delta_{24,1} & \delta_{25,1} & \delta_{26,1} & \delta_{27,1} \\ \delta_{31,1} & \delta_{32,1} & \delta_{33,1} & \delta_{34,1} & \delta_{35,1} & \delta_{36,1} & \delta_{37,1} \\ \delta_{41,1} & \delta_{42,1} & \delta_{43,1} & \delta_{44,1} & \delta_{45,1} & \delta_{46,1} & \delta_{47,1} \\ \delta_{51,1} & \delta_{52,1} & \delta_{53,1} & \delta_{54,1} & \delta_{55,1} & \delta_{56,1} & \delta_{57,1} \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \ln Y_t \\ \ln \text{Bumiputra}_t \\ \ln \text{Cina}_t \\ \ln \text{India}_t \\ \text{AA} \end{bmatrix} + \dots$$

$$\begin{bmatrix} \delta_{11,i} & \delta_{12,i} & \delta_{13,i} & \delta_{14,i} & \delta_{15,i} & \delta_{16,i} & \delta_{17,i} \\ \delta_{21,i} & \delta_{22,i} & \delta_{23,i} & \delta_{24,i} & \delta_{25,i} & \delta_{26,i} & \delta_{27,i} \\ \delta_{31,i} & \delta_{32,i} & \delta_{33,i} & \delta_{34,i} & \delta_{35,i} & \delta_{36,i} & \delta_{37,i} \\ \delta_{41,i} & \delta_{42,i} & \delta_{43,i} & \delta_{44,i} & \delta_{45,i} & \delta_{46,i} & \delta_{47,i} \\ \delta_{51,i} & \delta_{52,i} & \delta_{53,i} & \delta_{54,i} & \delta_{55,i} & \delta_{56,i} & \delta_{57,i} \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \Delta \ln Y_{t-1} \\ \Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-1} \\ \Delta \ln \text{Cina}_{t-1} \\ \Delta \ln \text{India}_{t-1} \\ \Delta \text{AA} \end{bmatrix} + \begin{bmatrix} \phi_1 \\ \phi_2 \\ \phi_3 \\ \phi_4 \\ \phi_5 \end{bmatrix} \times ECT_{t-1} +$$

$$\begin{bmatrix} \varepsilon_{1,r} \\ \varepsilon_{2,r} \\ \varepsilon_{3,r} \\ \varepsilon_{4,r} \\ \varepsilon_{5,r} \end{bmatrix} \quad (5)$$

Di mana, Δ mewakili pemboleh ubah dalam formasi pembezaan pertama, ε_t mewakili terma ralat yang diandaikan bebas daripada gangguan penganggaran serta bertaburan secara normal. Nilai ECT_{t-1} pula mewakili tahap penyelarasan jangka masa pendek sehingga mencapai keseimbangan jangka masa panjang melalui penganggaran model ARDL dengan syarat, nilai koefisien ECT_{t-1} mestilah bernilai negatif serta signifikan bagi mengesahkan kewujudan hubungan jangka masa panjang antara Y , Bumiputra, Cina, India dan AA .

PENEMUAN EMPIRIK KAJIAN

Dalam melaksanakan analisis kointegrasi, ujian kepegunan adalah ujian asas yang dijalankan sebelum ujian-ujian selanjutnya di mana dua bentuk ujian kepegunan dilaksanakan iaitu ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan ujian Phillips-Perron (PP). Hasil ujian kepegunan berdasarkan ADF dan PP ditunjukkan dalam Jadual 1 di mana dapatan menunjukkan keempat-empat pemboleh ubah pegun pada aras ke ertian berbeza-beza antara 1%, 5% dan 10% pada tahap $I(0)$. Pada peringkat pembezaan pertama ($I(1)$), ke semua pemboleh ubah pegun pada aras ke ertian berbeza-beza antara 1% dan 5%.

Bagi ujian kepegunan PP, dapatan menunjukkan pada tahap $I(0)$ hanya 3 pemboleh ubah pegun pada aras keertian 1% dan 10% manakala pemboleh ubah Y tidak pegun. Namun, pada pembezaan pertama ($I(1)$), ke semua pemboleh ubah pegun pada aras keertian

berbeza-beza pada 1% dan 10%. Hasil ujian kepegunan ini menunjukkan kajian boleh diteruskan dengan ujian-ujian selanjutnya. Hasil keputusan ujian kepegunan adalah seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Keputusan Ujian Kepegunan ADF dan PP

Pemboleh Ubah	Ujian ADF	Ujian P - P
	T Statistik	T Statistik
Panel 1 : Peringkat Paras [I(0)]		
lnBumiputra	-3.2816(0)***	-3.2896 [3]***
lnCina	-4.8270 (1)*	-4.6336 [0]*
lnIndia	-3.7663 (1)**	-3.3205 [3]***
lnY	-3.2384 (5)***	-2.1240 [1]
Panel 2 : Peringkat Pembezaan Pertama [I(1)]		
Δ lnBumiputra	-4.8459 (0)*	-4.7562 [5]*
Δ lnCina	-4.5696 (1)*	-1.8360 [1]***
Δ lnIndia	-3.7027(1)**	-1.9375 [0]***
Δ lnY	-5.3078 (0)*	-5.3079 [1] *

Nota : *, ** dan *** masing-masing menunjukkan signifikan pada aras 1%, 5% dan 10%.

Angka dalam () dan [] masing-masing adalah struktur lat dipilih berdasarkan Kriteria Maklumat Schwarz (SIC) dan *bandwidth* berdasarkan Newey-West menggunakan Bartlett Kernel.

Bagi mengesan hubungan kointegrasi jangka panjang sesama pemboleh ubah kajian, ujian Bounds ARDL dilakukan. Pemilihan ujian ARDL ini kerana pendekatan ini agak sinonim dengan analisis data siri masa yang singkat sebagaimana dinyatakan oleh Pesaran et. al. (2001) dan Narayan (2004). Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian Bounds ARDL di mana nilai statistik-F yang diperoleh bagi ke semua hipotesis nol berjaya ditolak pada aras keertian 1% bagi pemboleh ubah Bumiputra dan pada aras keertian 10% bagi pemboleh ubah Cina, India dan KDNK perkapita. Sesuatu hipotesis nol akan ditolak jika nilai statistik-F yang dianggarkan lebih besar daripada nilai Kritikal I (0) dan I (1) dalam nilai kritikal yang diperkenalkan oleh Pesaran et. al (2001). Hasil ujian menunjukkan wujud hubungan jangka panjang di antara pemilikan ekuiti etnik Bumiputra, Cina, India, KDNK perkapita dan pelaksanaan tindakan afirmatif.

Bagi mengukur tahap hubungan jangka pendek dan jangka panjang antara sesama pemboleh ubah, ujian kointegrasi versi ARDL-ECM telah dilakukan. Dapatan kajian yang diperoleh boleh dibahagikan kepada 2 tempoh waktu iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Keputusan ujian kointegrasi model ARDL-ECM jangka pendek ditunjukkan sebagaimana Jadual 3 di bawah. Dapatan menunjukkan dalam jangka pendek, semua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan di antara satu sama lain. Pemboleh ubah Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita dan Cina merupakan pemboleh ubah yang mempunyai kesan positif yang paling

JADUAL 2. Keputusan Ujian Bounds ARDL

Pembolehkan	Statistik-F	Hipotesis Nol
Δ lnBumiputra	8.7202*	Tolak
Δ lnCina	3.1636***	Tolak
Δ lnIndia	2.9648***	Tolak
Δ lnY	3.9669**	Tolak
Nilai Kritikal	I (0)	I (1)
1 %	2.88	3.99
5 %	2.27	3.28
10 %	1.99	2.94

Nota: *, ** dan *** masing-masing menunjukkan signifikan pada aras 1%, 5% dan 10%.

Nilai Kritikal Statistik-F adalah berdasarkan kepada $k=5$ dan $N=36$ dalam Jadual Nilai Kritikal Pesaran et. al (2001)

dominan di antara kesemua pemboleh ubah kajian. Bagi pemboleh ubah Bumiputra, dapatan menunjukkan ia mempunyai hubungan dengan signifikan terhadap pemilikan ekuiti Cina, dan KDNK Perkapita tetapi agak lemah dengan pemboleh ubah tindakan afirmatif dan India. Sebaliknya, pemboleh ubah Cina menunjukkan wujud hubungan dengan signifikan terhadap pemboleh ubah Bumiputra, KDNK Perkapita dan tindakan afirmatif. Ini menyokong dapatan Heng dan Sieh (2000) yang mendapati kedudukan masyarakat niaga Cina agak tergugat sewaktu awal pelaksanaan DEB berikutan langkah kerajaan memberi perhatian khusus kepada usahawan Melayu/ Bumiputra.

Bagi memastikan penerusan dan daya saing perniagaan, etnik Cina mewujudkan jalinan kerjasama antara peniaga Cina dan elit politik dan usahawan Melayu dan melahirkan golongan yang dikenali sebagai pakatan "AliBaba". Ini dibuktikan dengan hasil dapatan yang menunjukkan etnik Cina dan India mempunyai hubungan yang signifikan dengan dasar afirmatif yang dilaksanakan kerajaan berbanding etnik Bumiputra. Nilai ECT yang negatif dan signifikan bagi ujian ARDL-ECM pula menunjukkan wujud sekurang-kurangnya satu arah hubungan sebab-menyebabkan di antara semua pemboleh ubah serta kelajuan pelarasan ke arah keseimbangan jangka panjang. Ini mencerminkan jika berlaku kejutan dalam pasaran yang mengakibatkan berlakunya herotan dalam pegangan ekuiti, maka penyelarasan akan dibuat menerusi penyesuaian pegangan ekuiti agar ia kembali kepada keseimbangan dengan segera. Nilai ECT juga menunjukkan tingkat penyelarasan keseimbangan di mana bagi pemboleh ubah Bumiputra, nilai penyelarasan adalah 0.4302% setahun berbanding pemboleh ubah Cina yang menikmati penyelarasan 2 kali ganda penyelarasan berbanding etnik Melayu iaitu 0.8338% setahun.

Keputusan ujian kointegrasi model ARDL-ECM jangka panjang ditunjukkan sebagaimana Jadual 4 di bawah. Dapatan menunjukkan dalam jangka panjang, hanya etnik Cina mempunyai hubungan yang signifikan

JADUAL 3. Keputusan Ujian Kointegrasi Model ARDL-ECM Jangka pendek

Pemboleh ubah (Tempoh lat)	Bumiputra (3,3,4,2,4)	Cina (4,2,2,4,4)	India (3,1,3,4,1)	Y (2,4,3,4,4,4)
$\Delta \ln \text{Bumiputra}_t$		0.3817 (7.6218)*	-0.1023 (-1.5104)	-0.4140 (-5.7870)*
$\Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-1}$	-0.3157 (-3.7411)*	0.3074 (4.519)*	-0.3295 (-3.9612)	-0.2330 (-3.6431)**
$\Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-2}$	-0.4298 (-5.2430)*	0.3672 (6.3206)*	-0.3666 (5.1999)*	-0.4909 (-8.0496)*
$\Delta \ln \text{Bumiputra}_{t-3}$		0.4030 (6.3587)*		-0.2276 (-3.4209)**
$\Delta \ln \text{Cina}_t$	0.7528 (5.1313)*		-0.2792 (-2.3173)**	0.4808 (3.9674)**
$\Delta \ln \text{Cina}_{t-1}$	-0.8216 (-4.0378)*	1.0383 (11.9855)*		-1.1197 (-8.3269)*
$\Delta \ln \text{Cina}_{t-2}$	1.7472 (7.0449)*			1.1083 (11.8482)*
$\Delta \ln \text{India}_t$	-0.1402 (-1.1563)	-0.0502 (-0.6146)		-0.1083 (-1.3612)
$\Delta \ln \text{India}_{t-1}$	1.6358 (8.1119)*	-0.3969 (-3.2471)**	1.0597 (7.4131)*	0.7835 (5.8409)*
$\Delta \ln \text{India}_{t-2}$	-0.9495 (-4.3176)*		0.2143 (1.7444)	-0.9221 (-7.8417)*
$\Delta \ln \text{India}_{t-3}$	1.1553 (5.6026)*			0.4711 (5.1789)*
$\Delta \ln Y_t$	-0.9789 (-5.2575)*	0.3034 (3.1009)**	-0.4830 (-3.3815)*	
$\Delta \ln Y_{t-1}$	-0.5307 (-4.8461)*	0.3290 (4.2603)*	-0.6874 (-4.6658)*	-0.3037 (-3.9787)**
$\Delta \ln Y_{t-2}$		0.0240 (0.2996)	-0.6848 (4.9581)*	
$\Delta \ln Y_{t-3}$		0.2917 (4.1515)*	-0.4302 (-3.777)*	
ΔAA_t	-0.0236 (-0.5916)	-0.0967 (-3.8767)*	-0.1807 (4.2885)*	-0.0483 (-2.0501)
ΔAA_{t-1}	-0.0699 (-1.6999)	-0.0993 (-3.7728)*		0.1645 (4.6818)*
ΔAA_{t-2}	0.0582 (1.5768)	-0.1423 (-5.0697)*		0.1866 (5.7184)*
ΔAA_{t-3}	0.2585 (8.3665)*	-0.1421 (-5.9784)*		0.2277 (6.6580)*
ECT_{t-1}	-0.4302 (-13.8508)*	-0.8338 (-8.7564)*	-0.4611 (-7.8744)*	-0.6883 (-9.3420)*

Nota: *, ** dan *** masing-masing menunjukkan signifikan pada aras 1%, 5% dan 10%.
Nilai dalam () merujuk kepada nilai t-stistik

yang positif dengan etnik India dan Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita berbanding pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.

Bagi memastikan model ARDL-ECM yang dianggarkan ini tidak dikekang oleh masalah asas ekonometrik,

beberapa ujian diagnostik sebagaimana yang dicadangkan oleh Pesaran et al. (2001) dilaksanakan seperti ujian korelasi bersiri, ujian *normaliti*, ujian heterokedasiti, RESET dan keseimbangan diagram CUSUM. Umumnya, kesemua pemboleh ubah tidak mengalami sebarang masalah diagnostik seperti masalah *serial correlation*

JADUAL 4. Keputusan Ujian Kointegrasi Model ARDL-ECM Jangka panjang

Pemboleh ubah	Bumiputra	Cina	India	Y
lnBumiputra		-0.1697 (-0.9980)	0.3410 (1.4079)	0.0567 (0.1532)
lnCina	2.6840 (0.8801)		0.2958 (0.8538)	1.1206 (1.4291)
lnIndia	-1.7754 (-0.8880)	0.6796 (5.8034)*		-0.6152 (-0.9895)
lnY	-0.5503 (0.2423)	0.7573 (3.6553)*	0.6048 (1.4833)	
AA	0.0069 (0.0068)	0.1475 (0.8006)	-0.3972 (-1.6377)	-0.4980 (-1.8395)
C	-8.5138 (2.2545)***	-0.6172 (-0.3755)	-0.6290 (-0.3229)	1.0592 (0.3014)
Adj R ²	0.8590	0.7718	0.5473	0.8174
χ^2 Serial	5.6349 [0.0000]*	11.2298 [0.0000]*	3.6014 [0.0008]*	10.4394 [0.0000]*
χ^2 Hetero	0.8071 [0.4643]	2.2165 [0.3474]	0.5991 [0.6987]	9.2603 [0.2642]
χ^2 Normality	33.3564 [0.0000]*	4.4463 [0.1083]	5.9191 [0.0518]***	0.2335 [0.8897]

Nota: *, ** dan *** masing-masing menunjukkan signifikan pada aras 1%, 5% dan 10%.
Nilai dalam () merujuk kepada nilai t-ststistik

dan *heteroskedasticity* dalam ralat persamaan regresi yang dianggarkan dan rajah CUSUM serta CUSUMQ yang diperoleh tidak memberikan sebarang situasi yang menunjukkan ia melebihi sempadan keseimbangan penganggaran model kajian. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa penganggaran Model ARDL serta pemilihan lat menepati syarat-syarat asas model ekonometrik.

Untuk mengesahkan lagi tahap integrasi sesama pemboleh ubah, ujian ARDL-ECM penyebab Granger dilaksanakan. Dapatan menunjukkan wujud hubungan penyebab Granger di antara etnik Cina dan etnik Melayu dan di antara KDNK Perkapita dengan semua pemboleh ubah kajian. Ini menunjukkan wujudnya interaksi antara etnik dalam pemilikan ekuiti khususnya jalinan kerjasama antara peniaga sebagaimana dapatan Heng Pek Koon dan Sieh Lee Mei Ling (2000). Dapatan juga menunjukkan, etnik Bumiputra memerlukan bantuan dan sokongan daripada etnik Cina untuk meningkatkan ekuiti dan meraih kejayaan dalam perniagaan.

RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai pengaruh tindakan afirmatif kepada agihan kekayaan antara etnik di Malaysia secara empirikal. Untuk mencapai agihan kekayaan yang adil dan saksama, ia bukanlah sesuatu tugas yang mudah dan mengambil masa yang lama berbanding perancangan asal (satu generasi) serta memerlukan perancangan yang teliti, menyeluruh dan dilaksanakan pada masa

yang tepat. Pencapaian agihan ekuiti mengikut etnik terutamanya etnik Bumiputra masih rendah berbanding ekuiti bukan Bumiputra terutamanya selepas 1990. Ini kerana, peranan tindakan afirmatif dalam agihan ekuiti semakin longgar dan lemah di mana syarat pemilikan ekuiti tidak lagi di kawal dengan ketat tetapi diberi kelonggaran terutamanya apabila ekonomi mengalami kemerosotan seperti pada tahun 1985 (krisis komoditi) dan krisis kewangan 1997.

Dapatan menunjukkan wujud pengaruh yang signifikan tindakan afirmatif kepada agihan kekayaan antara etnik di Malaysia terutamanya bagi etnik Cina dan India dalam jangka pendek tetapi tidak signifikan dalam jangka panjang. Ini bertepatan dengan dapatan Mohd Ainuddin (2012) yang melihat kedinamikan perniagaan syarikat cina Semenanjung Malaysia era Dasar Ekonomi Baru menggunakan pendekatan Model Struktur, Gelagat dan Prestasi (SGP) yang mendapati walaupun ia telah memberikan 30% pemilikan saham kepada golongan pelabur Bumiputra, ia tetap tidak menjejaskan pencapaian perniagaan dan perkembangan pesat perniagaan Cina impak kedinamikan dalaman dan inovasi berbanding aspek naungan daripada pihak Kerajaan terutamanya selepas pelaksanaan Akta Koordinasi tahun 1975 (ICA) serta pelaksanaan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang telah mensyaratkan setiap syarikat yang ingin disenaraikan wajib memperuntukkan 30% ekuiti kepada pelabur Bumiputra.

Bagi etnik Bumiputra, pengaruh tindakan afirmatif tidak begitu signifikan dalam mempengaruhi peningkatan

JADUAL 5. Hasil Analisis ARDL-ECM Granger Causality

Pemboleh Ubah	Weak Causality Effects			
	$\Delta \ln \text{Bumiputra}$	$\Delta \ln \text{Cina}$	$\Delta \ln \text{India}$	$\Delta \ln Y$
$\Delta \ln \text{Bumiputra}$		1.9372 [0.1747]	1.6769 [0.2119]	4.0464 [0.0393]**
$\Delta \ln \text{Cina}$	4.0715 [0.0282]**		2.4447 [0.1185]	4.5285 [0.0188]**
$\Delta \ln \text{India}$	1.5300 [0.2444]	1.8846 [0.1898]		3.8003 [0.0251]**
$\Delta \ln Y$	2.0422 [0.1575]	2.4503 [0.1068]	0.9035 [0.4612]	

Nota: *, ** dan *** masing-masing menunjukkan signifikan pada aras 1%, 5% dan 10%.

pemilikan ekuiti berbanding pengaruh etnik Cina dan KDNK Perkapita. Sindrom kebergantungan kepada Kerajaan dan perniagaan secara “Ali-Baba” di kalangan etnik Bumiputra merupakan antara contoh isu ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan penggunaan dana yang tidak efisien serta menjurus kepada amalan siapa yang dikenal dan bukannya berdasarkan kepada keupayaan sebenar (tidak berasaskan merit). Ini diperakui oleh Heng Pek Koon dan Sieh Lee Mei Ling (2000) yang mendapati kedudukan masyarakat niaga Cina agak terganggu sewaktu era pelaksanaan DEB berikutan langkah Kerajaan memberi perhatian khusus kepada usahawan Melayu/ Bumiputra. Bagi memastikan penerusan dan daya saing perniagaan, mereka mewujudkan jalinan kerjasama antara peniaga Cina dan elit politik Melayu dan melahirkan golongan yang dikenali sebagai pakatan ‘AliBaba’.

Dapatan juga membuktikan, agihan kekayaan antara etnik melalui tindakan afirmatif diagihkan melalui ekonomi yang berkembang dan bukannya melalui pengambilan hak milik etnik lain terutamanya etnik Cina dan dipindahkan kepada etnik Bumiputra. Ini bertepatan dengan prinsip asas penstrukturan kejuruteraan sosioekonomi ini untuk mencapai sasaran agihan pendapatan dan kekayaan melalui ekonomi yang berkembang dan bukannya mengambil bahagian atau hak kaum Bukan Bumiputra atau lain-lain kaum dan dipindahkan kepada kaum Bumiputra (apa yang diagihkan adalah datangnya daripada pertambahan saiz kek ekonomi (pertumbuhan)). Dapatan ini menyokong dapatan Barro (2000), Forbes (2000) dan Chen (2003) yang mendapati pentingnya pertumbuhan ekonomi dalam menyelesaikan isu ketidakseimbangan. Pertumbuhan yang wujud tanpa pembangunan dan perubahan struktur yang adil dan menyeluruh akan mengakibatkan jurang ketidaksamaan di kalangan masyarakat semakin melebar. Kewujudan pertumbuhan ekonomi amat penting dalam usaha meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat, namun ia tidak memberi jaminan yang faedahnya dapat dinikmati secara adil dan saksama oleh semua lapisan masyarakat. Ini berbeza berbanding pengalaman negara Zimbabwe di bawah kepimpinan kerajaan

Mugabe dalam melaksanakan tindakan afirmatif bagi mencapai kesaksamaan hasil melalui strategi cukai dan “merampas” harta dan pemilikan orang kulit putih bagi diagihkan kepada orang kulit hitam. Kesannya, ekonomi negara Zimbabwe mengalami kemerosotan (Sowell 2004).

Dapatan membuktikan kepentingan dan campur tangan kerajaan dalam menangani kegagalan pasaran dalam ekonomi dan penyusunan semula masyarakat terutamanya dalam jangka pendek. Ishak Shari (1999) berpendapat, kesaksamaan pembangunan yang setara tidak akan dapat dicapai melalui pasaran tanpa campur tangan kerajaan dalam ekonomi. Ini seiring dengan fungsi kerajaan dalam menentukan dan melaksanakan polisi dan dasar negara iaitu fungsi peruntukan, fungsi agihan dan fungsi kestabilan (Musgrave 1996).

Bagi mencapai matlamat ini, negara memerlukan bukan sahaja kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi pada masa yang sama perlu memastikan wujudnya keadilan sosial, berkongsi peningkatan pendapatan yang saksama serta meningkatkan peluang pekerjaan. Ini bertepatan dengan pandangan Abdul Rahman Embong (2003) di mana pembangunan harus bersifat holistik dan menyeluruh agar hasil pembangunan dapat dinikmati bersama dengan setara di kalangan masyarakat dan Kerajaan berperanan melaksanakan pembangunan dan agihan yang saksama dan adil. Kejayaan agihan kekayaan ini penting sebagai satu matlamat penyusunan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara etnik, mengurangkan jurang ketidakseimbangan ekonomi dan sosial antara kumpulan etnik sekaligus serta menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan kesejahteraan agenda kemanusiaan abad ke 21*. Syarahan perdana jawatan profesor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Alesina, A dan Rodrik, D. 1994. Distributive Politics and Economic Growth. *Quarterly Journal of Economics* 109(2): 465–490.

- Burstein P. 1994. *Equal Employment Opportunity : Labor Market Discrimination And Public Policy*. De Gruyter Aldine, New York.
- Baroo, R. J. 2000. Inequality and Growth in a Panel of Countries. *Journal of Economic Growth* Issues 5: 5–32.
- Chen, B. L. 2003. An Inverted-U Relationship between Inequality and Long-Run Growth. *Economics Letters* 78: 205–212.
- Chua, A. 2003. *World on Fire : How Exporting Free-Market Democracy Breeds Ethnic Hatred and Global Instability*. William Heinemann, London.
- Dickey, D.A. & Fuller, W.A. 1981. Likelihood Ratio Statistics for Autoregressive Time Series with A Unit Root. *Econometrica* 49: 1057–1072.
- Forbes, K.J. 2000. A reassessment of the relationship between inequality and growth. *American Economic Review* 90(4): 869–887.
- Gomez, E. T. & Premdas, R. Edited. 2013. *'Affirmative Action, Ethnicity and Conflict*. Routledge Malaysian Studies Series, Routledge, New York.
- Heng, Pek Koon & Sieh Lee Mei Ling. 2000. *The Chinese Business Community in Peninsular Malaysia, 1957-1999* dalam Lee Kam Hing and Tan Chee Beng, eds. *The Chinese in Malaysia*. Shah Alam: Oxford University Press.
- Hwok-Aun Lee. 2012. Affirmative Action in Malaysia: Education and Employment Outcomes Since The 1990s. *Journal of Contemporary Asia* 42(2): 230–254.
- Harding, A.J. 1996. Law, Government and the Constitution in Malaysia. The Hague : Malayan Law, Kuala Lumpur
- Ishak Shari. 1999. *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidaksetaraan Ekonomi dalam Arus Globalisasi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ibrahim Abu Shah. 1995. *Kesedaran dan Persepsi Pelajar di Luar Bandar Terhadap Pembangunan Sumber Manusia Di Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ishak Shari. 2000. Economic Growth and Income Inequality in Malaysia, 1971-95. *Journal of The Asia-Pacific Economy* 5: 112–24.
- Jesudason, James. V. 1989. *Ethnicity and the Economy: The States, Chinese Business and Multinationals in Malaysia*. Oxford University Press, Singapura.
- Jomo K. S. 2004. *The New Economic Policy and Interethnic Relations in Malaysia*. Identities, Conflict and Cohesion Programme, Paper Number 7, United Nations Research Institute for Social development.
- Jomo K. S & Wee Chong Hui. 2014. *Malaysia @ 50. Economic Development, Distribution, Disparities*. Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya.
- Just Faaland, Jack Parkinson & Rais Saniman. 2005. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu. Edisi Ke 3*. Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.
- Keister L.A & Moller S. 2000. *Wealth Inequality in the United States*. Annual Reviews of Sociology 26: 63–81.
- Mahmet, Ozay. 1986. *Development in Malaysia: Poverty, Wealth and Trusteeship*. Croom Helm, Sydney.
- Mansor Mohd Noor. 2012. *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Malaysia. 1970. *Rancangan Malaysia Kedua*. Pencetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Muhammed Abdul Khalid. 2014. *The Colour of Inequality. Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. MPH Publishing, Kuala Lumpur.
- Muhammed Abdul Khalid. 2012. Household Wealth in Malaysia: Composition and Inequality among Ethnic Groups. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45: 71–80.
- Musgrave, Richard A. 1996. *The Role of the State in Fiscal Theory*. In *Public Finance in a Democratic Society*. Volume 3, Cheltenham: Edward Elgar. 247–258.
- Narayan, P.K. 2004. Fiji's Tourism Demand: The ARDL Approach to Cointegration. *Tourism Economics* 10(2): 193–206.
- OECD. 2008. *Growing Unequal: Income Distribution and Poverty in OECD Countries*. OECD, Paris.
- Oxfam. 2016 *Oxfam Briefing Paper*.
- Persson, T & Tabellini, G. 1994. Is Inequality Harmful for Growth?. *The American Economic Review* 84(3): 600-621
- Perotti, R. 1996. Growth, Income Distribution and Democracy: What the Data Say? *Journal of Economic Growth* 1(2): 149–187.
- Pesaran M. H. & Shin Y. 1999. *An Autoregressive Distributed Lag Modelling Approach To Cointegration Analysis*. Chapter 11 in *Econometrics and Economic Theory in the 20th century the Ragnar Frisch Centennial symposium*, Strom S. (ed.) Cambridge University Press Cambridge.
- Pesaran, M.H. & Shin, Y., & Smith, R.J. 2001. Bound Testing Approaches to the Analysis of Level Relationships. *Journal of Applied Econometrics* 16: 289–326.
- Phillips, P.C.B. & Perron, P. 1988. Testing for a Unit Root in Times Series Regression. *Biometrika* 75: 335–446.
- Rawls, John. 1971. *A Theory of Justice*. Cambridge, Mass. Belknap Press
- Rogayah Mat Zin, 2009. *Pertumbuhan dengan Kesetaraan: Realiti dan Harapan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Romer, Paul M. 1986. Increasing Returns and Long Run Growth. *Journal of Political Economy* 94: 1002–1037.
- Searle, Peter. 1999. *The Riddle of Malaysian Capitalism*. Allen & Unwin & University of Hawai Press, Sydney & Honolulu.
- Shahbaz, M. 2010. Income Inequality-Economic Growth and Non-Linearity: A case of Pakistan. *International Journal of Social Economics* 37(8): 613–636.
- Snodgrass, Donald R. 1980. *Inequality and Economic Development in Malaysia*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
- Sowell, Thomas. 2004. *Affirmative Action Around the World: An Empirical Study*. New Haven: Yale University Press.
- Stiglitz, Joseph E. 2006. *Making Globalization Work*. W.W. Norton: New York.
- Stiglitz, Joseph E. 2013. *The Price of Inequality*. W.W. Norton: New York.
- Stewart, F. & Brown, G. 2006. *The Implications of Horizontal Inequalities for Aid*. Centre for Research on Inequality Human Security and Ethnicity.
- Stewart, F., Brown, G. & Langer, A. 2007. *Policies towards Horizontal Inequalities*. Centre for Research on Inequality Human Security and Ethnicity.
- Wolff, E.N. 1990. *Wealth Holdings and Poverty Status in The U.S. Review of Income and Wealth*. Series 26, No. 2.

Muhammad Najit Sukemi*
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial & Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus Terengganu
MALAYSIA
E-mail: najit@umt.edu.my

Madeline Berma
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail: mac@ukm.edu.my


Shamsul Amri Baharuddin
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail: abshamsul@gmail.com

Faridah Shahdan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail: faridah.shahadan@gmail.com


* Corresponding author

LAMPIRAN 1


a: Ujian Kestabilan CUSUM & CUSUMQ bagi Bumiputra




b: Ujian Kestabilan CUSUM & CUSUMQ bagi Cina




c: Ujian Kestabilan CUSUM & CUSUMQ bagi India



d: Ujian Kestabilan CUSUM & CUSUMQ bagi Y



e: Ujian Kestabilan CUSUM & CUSUMQ bagi Tindakan Afirmatif



RAJAH 1. Ujian Kestabilan CUSUM dan CUSUMQ

